

Kertas Bil. 7/2022



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI
PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) BAGI DEWAN
NEGERI SELANGOR BERHUBUNG BENCANA BANJIR
PADA BULAN DISEMBER 2021 DI NEGERI SELANGOR**

KANDUNGAN

BIL	PERKARA	HALAMAN
1	Pendahuluan	1
2	Latar Belakang	2
3	Pendengaran Tertutup	2
4	Penemuan Jawatankuasa	14
5	Saranan	15
6	Perakuan	17
	Ahli-Ahli Jawatankuasa	18
	Urus setia	18

Lampiran 1 (Senarai Agensi)

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN
(JP-PBT) BERHUBUNG BENCANA BANJIR PADA BULAN DISEMBER 2021 DI
NEGERI SELANGOR BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KEEMPAT BELAS
TAHUN 2022**

1. PENDAHULUAN

Selaras dengan Peraturan 68B Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor 1965 berkenaan Jawatankuasa Pilihan Pihak Berkua Tempatan (JP-PBT) dan menurut Peraturan Tetap 76 (1) – (6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Pertama, Penggal Kelima, Dewan Negeri Selangor Keempat Belas Tahun 2022 pada 14 Mac 2022 hingga 25 Mac 2022.

Ahli-ahli Jawatankuasa JP-PBT bagi tahun 2022 terdiri daripada:

- | | | |
|----|---|-----------|
| 1. | Y.B. Tuan Azmizam bin Zaman Huri
(ADN Kawasan Pelabuhan Klang) | Pengerusi |
| 2. | Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze
(ADN Kawasan Subang Jaya) | Ahli |
| 3. | Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
(ADN Kawasan Seri Kembangan) | Ahli |
| 4. | Y.B. Tuan Halimey bin Abu Bakar
(ADN Kawasan Seri Setia) | Ahli |
| 5. | Y.B. Tuan Shatiri bin Mansor
(ADN Kawasan Kota Damansara) | Ahli |
| 6. | Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi
(ADN Kawasan Sementa) | Ahli |
| 7. | Y.B. Tuan Zakaria bin Hanafi
(ADN Kawasan Semenyih) | Ahli |

Senarai agensi yang terlibat di dalam penyata ini adalah seperti di **Lampiran 1**.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pada 17 hingga 19 Disember 2021, Negeri Selangor telah dilanda bencana banjir buruk sehingga melibatkan kehilangan nyawa, kerosakan dan kerugian harta benda. Bencana tersebut berlaku berikutan taburan hujan luar biasa disebabkan hujan berterusan selama hampir 3 hari berturut-turut dan fenomena air pasang besar yang telah memberi kesan yang sangat kritikal terutamanya kepada penduduk di Daerah Petaling, Klang dan Hulu Langat.
- 2.2 Pada mesyuarat JP-PBT Bil.1/2022 bertarikh 10 Januari 2022, jawatankuasa telah bersetuju untuk meneliti dengan lebih terperinci segala permasalahan yang timbul dan mengenalpasti kaedah-kaedah penambahbaikan yang boleh dilaksanakan bagi memastikan Kerajaan Negeri sentiasa bersedia berhadapan dengan bencana tersebut.
- 2.3 Oleh itu, pada tarikh 24 Januari 2022, JP-PBT telah mengadakan sebuah Pendengaran Tertutup melibatkan semua agensi dan pihak yang bertanggungjawab menangani bencana tersebut bagi menyatakan kekangan berserta cabaran yang mereka hadapi sebelum, semasa dan selepas menguruskan bencana banjir tersebut.

3. PENDENGARAN TERTUTUP

3.1 Jabatan Meteorologi Malaysia Selangor (MetMalaysia)

- i. Jawatankuasa mengambil maklum keadaan iklim semasa banjir pada Disember 2021 adalah tidak dijangka kerana berdasarkan analisis model-model oleh MetMalaysia dan luar negara, majoriti model menunjukkan sistem cuaca (angin monsun yang membawa hujan lebat) pada waktu itu akan berhenti setelah memasuki Selat Melaka sebelum ke kawasan barat semenanjung dan akan masuk ke Sumatera dan menjangka hanya kawasan utara akan terkesan. Namun ia tidak berlaku dan telah menyebabkan hujan lebat berterusan di kawasan pantai barat dan berlaku banjir monsun. Walau bagaimanapun, MetMalaysia memaklumkan bahawa terdapat satu model yang meramalkan hujan akan

berterusan (sistem cuaca tidak berhenti) tetapi ianya tidak diambilkira kerana majoriti menunjukkan sebaliknya.

- ii. MetMalaysia memaklumkan kelewatan dalam mengeluarkan amaran hujan lebat berterusan pada 17 Disember 2021 di Selangor, khususnya di kawasan Lembah Klang, adalah kerana ramalan dibuat berdasarkan analisis model cuaca sepenuhnya dan tidak memadankannya dengan jumlah taburan hujan pada masa tersebut.
- iii. MetMalaysia memaklumkan kebiasaan bagi Negeri Selangor, amaran ramalan cuaca akan dihantar ke Smart Selangor C5i Operations Centre (SSOC).
- iv. Jawatankuasa juga mengambil maklum amaran dikeluarkan oleh MetMalaysia adalah secara berperingkat dan hujan di sesuatu kawasan sukar untuk diramal kerana pembentukan awan berlaku di atmosfera dan ia bergerak dan menyebabkan ramalan hujan tidak dapat dikeluarkan secara khusus mengikut lokasi dan masa.

Kriteria Amaran Ribut Petir

Jenis Amaran	Kriteria
RIBUT PETIR	<ul style="list-style-type: none">• Amaran dikeluarkan apabila terdapat tanda-tanda menunjukkan ribut petir dengan intensiti hujan melebihi 20 mm/jam yang hampir ATAU dijangka berlaku melebihi sejam.• Amaran ribut petir adalah amaran jangka pendek yang sah dalam tempoh tidak melebihi enam jam untuk satu-satu keluaran.

Takrifan:

Ribut Petir – Kejadian cuaca yang dikaitkan dengan kehadiran kilat dan petir hasil daripada pembentukan awan cumulonimbus. Ribut petir biasanya disertai dengan angin kencang dan hujan lebat dalam tempoh yang singkat yang boleh menyebabkan banjir kilat. Dalam keadaan yang ekstrem, ribut petir juga menghasilkan hujan batu dan puting beliung (belalai air dan belalai darat).

Kriteria Amaran Hujan Lebat Berterusan

Peringkat Amaran	Kriteria
WASPADA	Hujan berterusan dijangka berlaku dalam tempoh satu hingga tiga hari; ATAU Hujan berterusan/ribut petir sedang berlaku tetapi belum mencapai Peringkat Amaran BURUK.
BURUK	Hujan lebat berterusan dijangka berlaku dengan jumlah hujan melebihi 60 mm dalam tempoh 6 jam.
BAHAYA	Hujan sangat lebat berterusan dijangka berlaku dengan jumlah hujan melebihi 150 mm dalam tempoh 24 jam.

Sumber: Laman web rasmi Jabatan Meteorologi Malaysia (<https://www.met.gov.my/cuaca/kriteriaamaranhujanlebat>).

- v. MetMalaysia telah mengemukakan maklumat berkenaan ramalan Perubahan Iklim dan isu Pemanasan Global yang akan menyebabkan kemungkinan negara berdepan fenomena cuaca baharu termasuk cuaca ekstrem jika kesan pemanasan global dan pencemaran alam sekitar terus berlaku di negara ini.
- vi. MetMalaysia juga telah mengemukakan langkah-langkah yang diambil untuk menangani risiko bencana seperti berikut:-
 - a. Menaiktaraf 60 stesen manual ke stesen automatik (stesen pencerapan cuaca). (Sedia ada: 247 stesen automatik dan 183 stesen manual)
 - b. Menambah 5 unit stesen radar cuaca (Sedia ada: 13 unit). Dijangka siap pada tahun 2022.
- vii. Jawatankuasa mengambil maklum langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh MetMalaysia untuk menyampaikan maklumat berkenaan ramalan cuaca kepada orang awam adalah seperti berikut:-

- a. Aplikasi MyCuaca yang akan menunjukkan ramalan cuaca untuk tujuh (7) hari kehadapan.
- b. Ramalan cuaca untuk setiap satu (1) atau tiga (3) jam ke hadapan di Laman Web rasmi.
- c. Ramalan dan amaran cuaca di Laman Bencana.
- d. Pemberitahuan amaran melalui Sistem Pesanan Ringkas kepada penduduk di kawasan yang terjejas.
- e. NowCasting untuk menyemak kawasan yang akan hujan pada waktu-waktu tertentu.

3.2 Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor (JPS)

- i. Jawatankuasa mengambil maklum status pengaktifan siren yang dinyatakan di dalam slaid adalah berdasarkan *Database* dan tidak disahkan dengan situasi sebenar di tapak.

Jumlah Kawasan Banjir dan Siren Amaran Banjir (Siren > Aktif) di setiap daerah adalah seperti berikut:-

Daerah	Jumlah Kawasan Banjir	Jumlah Siren Amaran Banjir (Siren > Aktif)
Klang	35	10
Hulu Langat	35	14
Petaling	28	7
Kuala Selangor	27	2
Sepang	27	3
Kuala Langat	24	5
Gombak	13	7
Sabak Bernam	3	Tiada
Hulu Selangor	3	2
JUMLAH	195	50

- ii. JPS memaklumkan kapasiti sistem perparitan sedia ada direkabentuk untuk menampung aliran pada tempoh ulangan minimum 5 tahun (ARI) sehingga tempoh ulangan 20ARI namun hujan yang turun pada 17 hingga 19 Disember 2021 menunjukkan aliran pada tempoh ulangan melebihi 100 tahun (ARI) yang tidak dapat ditampung oleh sistem perparitan sedia ada.
- iii. JPS memaklumkan akan menambah bilangan Stesen hujan bagi memastikan ketepatan pengiraan aliran pada tempoh ulangan tertentu (ARI).
- iv. JPS memaklumkan bagi projek yang telah mendapat kelulusan dan diberi hak milik tanah untuk projek pembangunan, JPS hanya bertanggungjawab untuk memastikan syarat-syarat teknikal dipatuhi.
- v. Struktur dan aset pengurusan air banjir di Selangor adalah seperti berikut:-

Struktur/Aset	Jumlah
Stesen Hidrologi:- Stesen Hujan (telemetri & RHN) stesen aras sungai stesen amaran siren stesen web camera	267 91 103 54
Pintu Air	364
Pam bergerak	111
Rumah pam	49
Sungai termasuk Ban/Benteng	494 sungai (2683 km)
Kolam takungan	132

Status terkini penyelenggaraan Pintu air dan Rumah pam yang dijangka siap pada akhir tahun 2022 adalah melibatkan 122 unit Pintu air dan 13 buah Rumah pam melibatkan kos kontrak sebanyak RM2,504,880.00.

Status pemasangan Pintu air baru di Pulau Indah dan Telok Gong yang dijangka tender pada tahun 2023 adalah seperti berikut:-

Pulau Indah	Telok Gong
Dalam peringkat rekabentuk	Dalam peringkat lantikan perunding
Kos: RM4.5 juta	Kos: RM8.7 juta

- vi. Berkenaan isu limpahan air empangan, JPS memaklumkan terdapat perancangan (dalam penelitian) untuk meninggikan kapasiti empangan dan juga menaik taraf pintu air.
- vii. JPS juga telah mengemukakan pandangan dan cadangan bagi mengatasi banjir pada masa akan datang merangkumi langkah struktur dan langkah bukan struktur seperti berikut:-

	Langkah Struktur		Langkah Bukan Struktur
1	Projek Tebatan Banjir:- <ol style="list-style-type: none"> 1. Melebar dan mendalam sungai 2. Pembinaan ban dan benteng banjir 3. Pembinaan kolam takungan banjir 4. Pembinaan pintu kawalan air dan rumah pam 5. Menaiktaraf sistem saliran 	1 2 3 4 5	Kajian:- <ol style="list-style-type: none"> i. Lembangan Sungai & Tebatan banjir ii. Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) Garis Panduan Manual Saliran Mesra Alam
2	Pengoperasian pam bergerak	6	Pembangunan Rangkaian Stesen Hidrologi termasuk Sistem Siren Amaran Banjir
			Pembangunan Sistem Pemantauan Banjir (Web-Based) <ol style="list-style-type: none"> i. Selangor Info Banjir ii. Public Info Banjir Program Ramalan Amaran Banjir Negara (PRAB)
			Kajian semula keupayaan dan operasi empangan

Cadangan langkah struktur mitigasi banjir masa depan di Selangor juga telah dikemukakan oleh JPS melibatkan projek-projek seperti pembinaan *Smart Tunnel*, *Underground Vertical/Horizontal Storage* dan *Bypass Channel*.

- vii. JPS juga telah menyenaraikan usaha penambahbaikan seperti berikut:-
- a. Penambahan Sistem Amaran Banjir di Kawasan Hotspot Banjir melibatkan Sistem Siren (sedia ada: 103), Telemetri (sedia ada: 143), Webcam (sedia ada: 54), dan PRAB (sedia ada: 0, Cadangan: 280).
 - b. Penyediaan *Mobile Genset* di Struktur Pintu Air dan Rumah Pam.
 - c. Pembinaan semula aras platform struktur operasi banjir melibatkan Rumah pam dan Substation TNB (Compact-sub/Substation).
 - d. Pembinaan Jalan Alternatif bagi operasi banjir melibatkan struktur Pintu Air, Rumah Pam, dan Pam bergerak.
 - e. Memperluaskan penggunaan Sistem Supervisory Control and Data Acquisition (SCADA) yang melibatkan automasi operasi struktur pintu air.
 - f. Modal Insan Jabatan iaitu pengisian kekosongan jawatan sedia ada dan penstrukturan semula Gred jawatan JPS.
- ix. Jawatankuasa mengambil maklum berkaitan Program Ramalan dan Amaran Banjir (PRAB) di Selangor dimana persediaan menghadapi bencana banjir akan menjadi lebih komprehensif dilengkapi dengan proses pemadanan data amaran cuaca dengan data paras air yang dikendali oleh JPS. PRAB dijangka dapat dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2025.
- x. Jawatankuasa juga mengambil maklum mengenai Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) oleh JPS sedang dalam proses kajian di beberapa daerah.
- xi. JPS juga telah menyenaraikan cabaran yang dihadapi seperti berikut:-
- a. Struktur binaan haram yang terdapat di tebing sungai menyukarkan kerja-kerja menaiktaraf dan penyelenggaraan.
 - b. Halangan dan pengalihan utiliti.

- c. Proses mendapatkan bekalan elektrik bagi pengoperasian rumah pam yang boleh dibuat penambahbaikan bagi mempercepatkan bekalan elektrik.
 - d. Tempoh pengambilan tanah yang panjang.
 - e. Sumber manusia yang terhad.
- xii. JPS memaklumkan bahawa kolam takungan dan rumah pam di Taman Sri Muda berada di atas tanah hak milik dan mahkamah telah memutuskan supaya Kerajaan Negeri mengambil alih tanah tersebut.

3.3 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

3.3.1 Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)

- i. MBSA memaklumkan pada 18 Disember 2021, pihaknya sedang melaksanakan misi bantuan mangsa banjir di daerah Klang dan mendapat maklumat mengenai situasi banjir di Shah Alam daripada orang awam pada jam 2 pagi dan telah membuka Pusat Penempatan Sementara (PPS) pada jam 3 pagi.
- ii. Berdasarkan kronologi kejadian banjir (18 Disember hingga 24 Disember 2021), berikut adalah antara cabaran/kekangan serta situasi semasa kejadian yang menyebabkan kesukaran dalam misi bantuan kepada mangsa banjir:-
 - a. Hujan lebat berterusan menyebabkan limpahan air sungai dan ban pecah.
 - b. Laluan lebuhraya dinaiki air dan menyebabkan jalan sesak dengan kenderaan tersekat.
 - c. Jalan yang sesak menyebabkan kesukaran akses laluan keluar masuk bantuan menyelamat ke kawasan banjir.
 - d. Terdapat penduduk yang tidak mahu berpindah.
 - e. Penempatan mangsa banjir bertambah sesak.
 - f. Arus sungai yang sangat deras yang menyebabkan bot tidak dapat masuk ke Sri Muda.

- iii. Menurut maklumat yang dikemukakan oleh MBSA, 25 lokasi terjejas akibat banjir melibatkan 12,844 mangsa, 2,531 keluarga dan 10 kematian.
- iv. Anggaran kos penyelenggaraan kerosakan selepas banjir adalah RM3,484,250.00 melibatkan kos kontraktor tambahan, sewaan tong roro, lori dan jentera.
- v. Cadangan penambahbaikan di peringkat majlis yang melibatkan kos sebanyak RM98,186,740.00 (darurat, segera dan biasa) melibatkan penambahbaikan infrastruktur, lampu jalan, premis majlis, padang/taman permainan, peralatan mainan, perkakasan komputer, perabot jalan, hentian bas, dan lain-lain kemudahan awam.
- vi. MBSA turut mengemukakan cadangan penggantian water pump di Taman Mesra dengan kos pembaikan sebanyak RM1,080,000.00.
- vii. MBSA sedang membangunkan stesen siren di beberapa lokasi bagi membolehkan penduduk mendapat amaran awal sekiranya banjir berlaku.

3.3.2 Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)

- i. MPKj memaklumkan kejadian banjir di Taman Sri Nanding adalah banjir lumpur dan kawasan tersebut berada di bawah paras air sungai tertinggi. Keadaan menjadi lebih buruk kerana wujudnya kejadian kepala air di kawasan tersebut.
- ii. Berdasarkan kronologi kejadian banjir (17 Disember hingga kini), berikut adalah antara cabaran/kekangan serta situasi semasa kejadian yang menyebabkan kesukaran dalam misi bantuan kepada mangsa banjir:-
 - a. Air hujan dari tanah tinggi Genting Perez telah menyebabkan kepala air dan air sungai Lui mula melimpah bersama lumpur.

- b. Pihak TNB terpaksa memutuskan bekalan elektrik bagi memastikan keselamatan penduduk.
 - c. Air takungan Empangan Semenyih terpaksa dilepaskan secara berkala bagi mengelakkan empangan pecah.
 - d. Sehingga kini kerja-kerja semburan air di jalan utama masih diteruskan.
- iii. Menurut maklumat yang dikemukakan oleh MPKj, 35 lokasi terjejas akibat banjir melibatkan 6,159 penduduk.
- iv. Kejadian banjir telah menyebabkan kerosakan harta dan aset MPKj seperti Jalan, Longkang, Tembok penahan, cerun, perhentian bas, dan Dewan melibatkan kos anggaran pembaikan sebanyak RM18,600,000.00.
- v. Jumlah keseluruhan petugas adalah 5254 melibatkan penglibatan daripada PBT (1178), Sukarelawan/NGO (2743), dan agensi Kerajaan Persekutuan dan Kementerian (1333).
- vi. Kos keseluruhan pasca banjir yang melibatkan perkhidmatan kecemasan pembersihan , pelupusan sampah dan sisa pukal banjir, pemulihan tanah di tapak transfer station, membaiki longkang dan kerja-kerja berkaitan di Taman Sri Nanding, kos logistik yang disumbangkan oleh agensi serta tuntutan peruntukan tabung bencana daerah adalah sebanyak RM2,182,662.21.
- vii. Cadangan penambahbaikan oleh MPKj melibatkan kos sebanyak RM529,000.00 untuk pembaikan jangka masa pendek (kerja-kerja pembaikan untuk mengelakkan aliran air bertakung di jalan-jalan yang terlibat kerana longkang tidak berfungsi dan dipenuhi lumpur) dan RM12,085,600.00 untuk pembaikan jangka masa panjang (kerja-kerja naik taraf sistem perparitan dan jalan di seluruh taman).
- viii. MPKj turut menyenaraikan cadangan penambahbaikan kawasan terlibat di Hulu Langat seperti berikut:-

- a. Cadangan menaiktaraf Jalan Hulu Langat daripada Jalan Suntex ke Jalan Hulu Langat (Batu 18) selebar 40 meter.
- b. Pembinaan Lebuhraya EKVE
- c. Cadangan Pembangunan berskala besar
- d. Tindakan penguatkuasaan terhadap bangunan tanpa kelulusan Majlis.

3.3.3 Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ)

- i. MBSJ memaklumkan 13 Kampung Tradisi di kawasan yang terletak di tepi sungai terkesan bencana banjir selain manakala di kawasan bandar kurang terjejas kerana sistem perparitan telah dinaik taraf.
- ii. Berdasarkan kronologi kejadian banjir (17 Disember hingga 20 Disember 2021), berikut adalah antara cabaran/kekangan serta situasi semasa kejadian yang menyebabkan kesukaran dalam misi bantuan kepada mangsa banjir:-
 - a. Hujan menyebabkan air sungai melimpah di Kg Bukit Lanchong.
 - b. Balai Masyarakat Bukit Lanchong penuh apabila ramai penduduk berpindah.
 - c. Gangguan elektrik di PPS Bukit Lanchong.
 - d. Ban pecah di Sungai Kg Bukit Lanchong.
 - e. Laluan keluar masuk ke Kg Bukit Lanchong terputus,
 - f. Lebuhraya LDP ditenggelami air.
- iii. Menurut maklumat yang dikemukakan oleh MBSJ, 6290 rumah telah terjejas akibat banjir dan 22 Pusat Pemindahan Sementara (PPS) telah dibuka menempatkan 4954 mangsa.
- iv. Anggaran kos penyelenggaraan selepas banjir adalah RM1,800,000.00 merangkumi kerja pembaikan sistem saliran (RM500,000.00) dan pembaikan jalan dan perabot jalan (RM1,300,000.00).
- v. Cadangan penambahbaikan oleh MBSJ melibatkan kos sebanyak RM10,100,000.00 untuk menaiktaraf sistem saliran,

RM330,000.00 untuk sistem amaran awal banjir, dan RM350,000.00 untuk pemerkasaan pasukan Pantas MBSJ.

- vi. MBSJ juga sedang memperluaskan pemasangan *sensor* supaya agensi-agensi berkaitan dapat dimaklumkan dengan segera sekiranya paras air meningkat.

3.3.4 Majlis Perbandaran Klang (MPK)

- i. Menurut laporan banjir oleh MPK, banjir yang berlaku dari 17 Disember hingga 19 Disember 2021 adalah disebabkan hujan lebat berterusan dan dianggarkan 20 kawasan sekitar Klang terjejas akibat banjir.
- ii. Berikut adalah antara cabaran/kekangan serta situasi semasa kejadian banjir:-
 - a. Fenomena Air pasang besar di sekitar persisiran pantai Selangor menyebabkan banjir bertambah buruk.
 - b. Air Empangan Klang Gate dilepaskan secara berperingkat dan menambah buruk kejadian banjir.
- iii. Anggaran kos penyelenggaraan kerosakan selepas banjir adalah RM2,716,566.10 melibatkan kerja membaiki jalan raya, parit dan saliran serta cerun.
- iv. MPK turut mengemukakan cadangan kerja-kerja tebatan banjir secara menyeluruh bagi projek tebatan banjir di Klang yang melibatkan kos sebanyak RM1,356,487,000.00.
- v. Cadangan jangka masa panjang turut melibatkan kerja menaiktaraf sistem saliran, kawalan infrastruktur melibatkan pembangunan baru dan kawalan serta menaiktaraf pintu air di bahagian hilir.

vi. MPK memaklumkan pihaknya hanya mempunyai 3 buah bot untuk kerja-kerja menyelamat dan pemindahan mangsa banjir. MPK juga merancang untuk membangunkan *alert system* selain menjalankan inisiatif untuk memberdayakan kepimpinan di lapangan supaya lebih bersedia untuk menghadapi banjir.

4. PENEMUAN JAWATANKUASA

- 4.1 Jawatankuasa mendapati Jabatan Meteorologi mengemukakan maklumat yang tidak lengkap dan tepat ketika menjawab segala persoalan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa berhubung kaedah yang digunakan dalam meramal cuaca dan sistem komunikasi serta pengeluaran amaran yang tidak efisien dan lewat semasa hujan yang berterusan berlaku di Negeri Selangor.
- 4.2 Jawatankuasa turut berpendapat sekiranya prestasi sebegini dikekalkan oleh Jabatan Meteorologi, maka agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dalam melaksanakan pengurusan tindakan bencana bakal berhadapan dengan situasi yang sukar untuk membuat persiapan yang lebih rapi.
- 4.3 Selain itu, Jawatankuasa berpendapat sudah tiba masa untuk pihak JPS menaiktaraf sistem amaran dan siren yang lebih efisien serta bertahap bagi memudahkan orang awam untuk bertindak mengikut amaran yang dikeluarkan oleh JPS. Sebaiknya kajian yang lebih terperinci bagi mewujudkan sebuah sistem amaran yang efektif perlu juga dirujuk melalui negara-negara luar.
- 4.5 Bagi mengelakkan dari berulangnya isu kekurangan aset-aset penting oleh PBT untuk digunakan semasa operasi penyelamatan mangsa banjir, Jawatankuasa amat bimbang sekiranya peruntukan aset ini tidak dipertingkatkan kerana ia bakal menunjukkan ketidakprihatinan Kerajaan dalam menyediakan aset yang lengkap sebagai langkah kesediaan untuk bertindak menyelamatkan mangsa banjir.
- 4.6 Jawatankuasa menerima baik inisiatif pembangunan Program Ramalan dan Amaran Banjir (PRAB) yang sedang diusahakan oleh JPS, tetapi Jawatankuasa turut berpendapat tempoh yang diperlukan JPS bagi menyiapkan PRAB mengambil masa yang agak lama iaitu pada tahun 2025.

5. SARANAN

Jabatan Meteorologi Malaysia Selangor (MetMalaysia)

- 5.1 Jawatankuasa menggesa Kerajaan Negeri melalui Unit Pengurusan Bencana mengadakan libat urus dengan Jabatan Meteorologi untuk meneliti perkara-perkara berikut:
- 5.1.1 Meneliti semula gerak kerja yang dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Meteorologi berikutan kegagalan mereka dalam memberikan kenyataan dan maklumat yang tepat ketika Pendengaran Tertutup oleh JP-PBT.
- 5.1.2 Memastikan Jabatan Meteorologi dapat berfungsi dengan lebih proaktif dan kreatif di masa akan datang terutamanya apabila Negeri Selangor bakal berhadapan dengan sesebuah bencana di luar jangkaan.
- 5.1.3 Menekankan kaedah pengeluaran tahap amaran bencana yang berbeza mengikut keseriusan sesebuah bencana oleh Jabatan Meteorologi dengan mengambil kira aspek taburan hujan yang berlaku di lapangan serta memastikan sistem yang digunakan dalam meramal cuaca dapat diperbaiki dan dinaiktaraf (sekiranya perlu) dari masa ke masa.

Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor (JPS)

- 5.2 Jawatankuasa menyarankan agar pihak JPS dapat merangka sebuah polisi baharu berkaitan projek pembangunan di persisiran sungai dan pantai terutamanya di kawasan zon ekologi hijau dengan mengkaji polisi yang diguna pakai di luar negara sebagai panduan.
- 5.3 Jawatankuasa menyarankan agar pihak JPS dapat menaiktaraf sistem siren sedia ada dengan teknologi terkini dan mewujudkan satu sistem amaran bertahap serta penggunaan bunyi siren yang berbeza supaya penduduk dapat bertindak mengikut maklumat yang diterima dengan mudah. JPS juga disarankan meneliti sistem bunyi siren yang diguna pakai oleh negara luar semasa berlaku sesebuah bencana.

- 5.4 Jawatankuasa menyarankan JPS untuk memasang siren amaran banjir di kunci-kunci air dan memastikan ianya diselenggara secara berkala supaya sentiasa berfungsi dengan baik. Penyelenggaraan ini juga perlu dilaksanakan bagi semua siren sedia ada.
- 5.5 Jawatankuasa mencadangkan JPS menaiktaraf kunci-kunci air sedia ada dan menambah kunci-kunci air di kawasan-kawasan berisiko tinggi.
- 5.6 Jawatankuasa juga menyarankan Kerajaan Negeri memberi keutamaan kepada JPS dalam pembahagian peruntukan pembangunan.
- 5.7 Jawatankuasa menggesa Kerajaan Negeri untuk membantu pihak JPS dalam memastikan pelaksanaan Program Ramalan dan Amaran Banjir (PRAB) di Negeri Selangor dapat dipercepatkan sebelum dari tempoh yang dinyatakan kerana bimbang bencana yang sama bakal berlaku lagi dalam masa terdekat.
- 5.8 Jawatankuasa juga menggesa JPS untuk memberikan keutamaan dengan melaksanakan segera kajian semula reka bentuk sistem saliran sedia ada dan juga sistem tebatan banjir khususnya di kawasan tebatan banjir sedia ada yang gagal menangani bencana banjir baru-baru ini.
- 5.9 Jawatankuasa menyarankan JPS **menyegerakan** pelaksanaan cadangan bagi mengatasi bencana banjir pada masa akan datang merangkumi langkah struktur dan bukan struktur serta menggesa Kerajaan Persekutuan dan Negeri menyokong usaha-usaha yang dicadangkan oleh JPS.

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

- 5.10 Jawatankuasa menyarankan agar PBT mengawal pembangunan di lereng bukit, persisiran sungai dan pantai serta kawasan-kawasan berisiko tinggi semasa proses kelulusan permohonan kebenaran merancang dibuat oleh pihak pemaju.

- 5.11 Jawatankuasa berpandangan setiap Jabatan Teknikal di PBT dan agensi berkaitan untuk menjadikan pembangunan *on-site detention* (OSD) di setiap bangunan yang bakal dibina terutamanya di kawasan zon ekologi hijau sebagai salah satu syarat semasa mempertimbangkan permohonan kebenaran merancang.
- 5.12 Jawatankuasa menyarankan agar aset-aset PBT bagi tujuan memberi amaran dan menyelamat ketika berlaku bencana ditambah dan dinaik taraf dengan sistem teknologi kecerdasan buatan (AI) agar kerja-kerja menyelamat dapat dijalankan dengan lebih efisien dan maklumat disampaikan dengan lebih cepat.
- 5.13 Jawatankuasa juga mencadangkan agar peruntukan bagi aset-aset yang sesuai di setiap PBT dapat dipertingkatkan sebagai persediaan menghadapi bencana banjir.
- 5.14 Jawatankuasa turut menggesa PBT untuk bekerjasama dengan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) bagi mengenal pasti lokasi-lokasi yang lebih selamat, sesuai dan selesa yang boleh dijadikan sebagai Pusat Pemindahan Sementara (PPS) mangsa-mangsa banjir.
- 5.15 Jawatankuasa mencadangkan agar kakitangan di setiap PBT diberikan latihan pengurusan bencana banjir sebagai langkah persediaan awal.

6. PERAKUAN

Penyata ini disediakan oleh Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT). Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh JP-PBT dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bil.3/2022 pada tarikh 10 Februari 2022.

Disahkan oleh:

Y.B. TUAZ MIZAM BIN ZAMAN HURI

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan
(JP-PBT)

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT):

1.	Y.B. Tuan Azmizam bin Zaman Huri (ADN Kawasan Pelabuhan Klang)	Pengerusi
2.	Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (ADN Kawasan Subang Jaya)	Ahli
3.	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (ADN Kawasan Seri Kembangan)	Ahli
4.	Y.B. Tuan Halimey bin Abu Bakar (ADN Kawasan Seri Setia)	Ahli
5.	Y.B. Tuan Shatiri bin Mansor (ADN Kawasan Kota Damansara)	Ahli
6.	Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi (ADN Kawasan Sementa)	Ahli
7.	Y.B. Tuan Zakaria bin Hanafi (ADN Kawasan Semenyih)	Ahli

URUS SETIA

i)	Puan Gayathri a/p Jaya Kumar	Setiausaha Bahagian (Dewan)
ii)	Encik Muhajirih bin Ahmad	Penolong Setiausaha (Dewan)
iii)	Puan Siti Salina binti Muftar	Setiausaha Pejabat (Dewan)
iv)	Cik Siti Khadijah Binti Maarof	Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker
v)	Encik Nik Muhammad Syaamil Bin Nik Ismail	Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker

LAMPIRAN 1

Senarai agensi yang terlibat adalah seperti berikut:-

JABATAN PENGAIERAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR

1. Ir. Hj. Mohd Nazri bin Yasmin, Timbalan Pengarah (Pembangunan I)
2. Ahmad Solihin bin Budarto, Timbalan Pengarah (Pembangunan II)
3. Ir. Louis Ho Yeng Gee, Timbalan Pengarah (Operasi)
4. Evelyn Roni Anak Tada, Penolong Pengarah

JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA SELANGOR (METMALAYSIA)

1. Azmi bin Atan, Pengarah Pejabat Meteorologi Selangor
2. Azlai bin Taat, Jabatan Meteorologi Malaysia

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM (MBSA)

1. YBhg. Dato' Haji Zamani Ahmad bin Mansor, Datuk Bandar
2. Encik Mohd Rashidi bin Ruslan, Timbalan Datuk Bandar
3. Encik Hanif Basree bin Abdul Rahman, Pemangku Pengarah Jabatan Kejuruteraan
4. Mohd Azmi bin Amer Khan, Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam
5. Mohd Zulfahmee bin Ismail, Pegawai Khas
6. Puan Aziahtul Sakdiah binti Mustapa, Pegawai Tadbir
7. Puan Anis Amira binti Basri, Pembantu Tadbir

MAJLIS PERBANDARAN KLANG (MPK)

1. YBrs.TPr. Puan Hajah Noraini binti Roslan, Yang Dipertua
2. Puan Elya Marini binti Darmin, Setiausaha
3. Encik Zaireezal bin Ahmad Zainuddin, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Persekutaran
4. Ir. Mohd Zaidi bin Zainal, Timbalan Pengarah Kejuruteraan/Jurutera
5. Encik Mohd Fazrul Syamel bin Hasan, Jurutera

MAJLIS PERBANDARAN KAJANG (MPKj)

1. Encik Najmuddin bin Jemain , Yang Dipertua
2. Encik Mohammad Izuddin bin Ramli, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan
3. Encik Abdul Halim bin Samah, Jurutera
4. Encik Kamaruzaman bin Salimin, Pengarah Jabatan Korporat
5. Encik Kamarul Izlan Bin Bin Sulaiman , Penolong Pengarah Jabatan Korporat

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA (MBSJ)

1. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid, Timbalan Pengarah (Korporat)
2. Puan Shariza bin Safuri, Penolong Pengarah (Korporat)
3. Encik Shaifuludin bin Yahya, Penolong Pengarah (Kejuruteraan)
4. Puan Norzahirawaty binti Sihat, Pegawai Kesihatan Persekutaran

